



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN HAB HALAL**

PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2015

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA
BAGI PRODUK YANG TIDAK DIHASILKAN DALAM TEMPOH PENSIJILAN**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai permohonan pembaharuan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi produk yang tidak dihasilkan sepanjang tempoh pensijilan halal Malaysia. Syarikat yang membuat permohonan pembaharuan SPHM perlu memastikan produk keluaran syarikatnya dihasilkan dalam tempoh sah laku SPHM (kebiasaannya dua (2) tahun tempoh pensijilan halal Malaysia). Sekiranya produk tersebut tidak pernah dihasilkan sepanjang tempoh pensijilan, maka pihak JAKIM dan JAIN boleh menolak permohonan pembaharuan SPHM produk tersebut.

LATARBELAKANG

2. Terdapat beberapa kes yang berlaku di mana pemegang SPHM menyalahgunakan SPHM untuk tujuan yang bersalahan dengan syarat penggunaan logo dan sijil halal. Begitu juga terdapat aduan daripada pihak pengguna tentang kekeliruan yang timbul berikutan SPHM yang dikeluarkan kepada produk yang tidak pernah dihasilkan oleh pemegang SPHM.

3. JAKIM dan JAIN sebagai pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan pensijilan halal Malaysia perlu memastikan setiap produk yang dipersijilkan mematuhi setiap prosedur yang telah disyaratkan.

PELAKSANAAN

4. Berdasarkan klausa 5.2 (i) Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 (MPPHM 2014), produk yang dipohon hendaklah dihasilkan secara konsisten serta mempunyai rekod pengeluaran yang dikemaskini. Selaras dengan peruntukkan ini, semua pemohon dan pemegang SPHM perlu memastikan produk yang dimohon untuk pengesahan halal mempunyai rekod pengeluaran/ penghasilan yang terkini.

5. Justeru itu, syarikat yang memohon pembaharuan pensijilan halal Malaysia bagi produk yang tidak pernah dihasilkan dalam tempoh sah laku sijil (kebiasaannya dua (2) tahun) tidak lagi dibenarkan untuk meneruskan permohonan pembaharuan pensijilan halal Malaysia.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **15 Disember 2015** dan semua pemohon pensijilan halal Malaysia perlu mematuhi dan mengambil maklum berkenaan pelaksanaan pekeling ini.

7. Pekeliling ini diterbitkan berdasarkan perkara (2), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.



(DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA)

Ketua Pengarah,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,

Putrajaya.

11 Disember 2015